



## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2014


#### PEMBAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(2)(a) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], saya, **DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS**, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan peratus (%) daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperoleh oleh tiap-tiap koperasi (tidak termasuk koperasi sekolah) sebagai jumlah wang yang kena dibayar oleh koperasi itu kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi mulai tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2014 adalah seperti berikut:

| <i>Untung Bersih Teraudit<br/>(RM)</i> | <i>Kadar Peratus</i> |
|----------------------------------------|----------------------|
| 0 – 49,999                             | 0 %                  |
| 50,000 dan ke atas                     | 2 %                  |

2. Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, Perintah Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bertarikh 25 Oktober 2013 masih terpakai sehingga tahun kewangan berakhir 31 Julai 2014.

Bertarikh 15 Ogos 2014  
No. Rujukan : SKM.IP.(AM) 7964 SJ.5 (83)

  
(DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS)  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia